

26/07/1999

BN perlu sokongan padu rakyat Kelantan

GUA MUSANG, Ahad - Rakyat Kelantan perlu melupakan segala pertelingkahan lalu, sebaliknya kembali bersatu dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) bagi menentukan kejayaan merampas semula negeri ini daripada kerajaan Pas.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, Datuk Hamdan Mohamad, berkata pilihan raya umum kali ini adalah satu perhitungan terbaik untuk rakyat Kelantan memilih kerajaan BN.

Katanya, ini kerana hanya kerajaan BN saja mampu membawa segala perubahan khususnya projek pembangunan.

Beliau berkata, rakyat Kelantan tidak mempunyai sebab untuk menolak kerajaan BN kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi kepercayaan semula kepada Tengku Razaleigh Hamzah memimpin Umno Kelantan.

Beliau yang mewakili Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata demikian di majlis pelancaran kempen kibar bendera peringkat Parlimen Gua Musang di Rancangan Tanah Kesedar Paloh Dua, dekat sini, semalam.

Katanya, perlantikan Tengku Razaleigh sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan membuka era baru kepada perubahan Umno Kelantan.

"Saya tetap yakin perlantikan Tengku Razaleigh itu akan membawa kepercayaan kepada seluruh rakyat negeri ini menyokong BN sekali gus memberi kejayaan untuk merampas semula negeri ini daripada Pas," katanya.

(END)